



**JABATAN PERTANIAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS,
TINGKAT 3, BLOK D, WISMA NEGERI,
70503 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**
Telefon : 06-760 2355 / 765 9760
Fax : 06-763 7882
Email : jabpertanian@ns.gov.my



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat Bumiputera / Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dibawah pecahan kepala

No. Sebutharga	:	PPNS (RACUN) 02/2026 (N) MEMBEKAL DAN MENGHANTAR RACUN MAKHLUK PEROSAK BAGI PROJEK (PEMBANGUNAN NEGERI) JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN TAHUN 2026
Kod Bidang	:	070102 – RACUN SERANGGA/PEROSAK, RACUN RUMPAI/TUMBUHAN DAN LESEN MENJUAL RACUN MAKHLUK PEROSAK (AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974)

2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi mulai **04.02.2026 hingga 10.02.2026** di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan, Tkt 3 Blok D, Wisma Negeri, Seremban pada waktu pejabat mulai 8.00 pagi hingga 4.00 petang dengan bayaran menggunakan **sistem N9PAY** (Gerbang Pembayaran Kerajaan Negeri Sembilan) dengan bayaran **RM 30.00 senaskah**
3. Kontraktor/Pembekal dikehendaki membawa sijil asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil SSM, dan menyerahkan sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen sebut harga. Wakil syarikat perlu menunjukkan surat wakil rasmi daripada syarikat yang diwakili.
4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berlakri dan ditulis disebelah atas kiri sampul **nombor serta nama sebutharga** dan dimasukkan sendiri kedalam peti tawaran di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 3 Blok D, Wisma Negeri, Seremban.
5. Tarikh tutup sebut harga pada **10.02.2026 (Selasa) jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran harga terendah atau mana-mana tawaran harga yang lain. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga Jabatan adalah muktamad.

